

**DASAR PEMBUDAYAAN INOVASI  
JABATAN AUDIT NEGARA**

## **DASAR PEMBUDAYAAN INOVASI JABATAN AUDIT NEGARA**

### **1.0 PENGENALAN**

Inovasi merupakan suatu cetusan idea kreatif yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan. Ianya juga merupakan idea radikal yang boleh ditimba dari dalam dan luar yang berkait rapat dengan sistem penyampaian perkhidmatan serta menambah nilai output semasa, sebagai idea baru atau yang diadaptasi untuk digunapakai berdasarkan kesesuaian agensi. Idea-idea ini dapat direalisasikan dari beberapa perubahan dan transformasi amalan sedia ada dalam bentuk produk, perkhidmatan, proses atau teknologi.

Arus pemikiran ini diperlukan kerana Jabatan pada masa kini menghadapi pelbagai cabaran yang kompleks berikutan dengan perubahan sosial dan ekonomi dunia. Persekitaran ini menuntut sistem penyampaian Jabatan supaya perkhidmatan yang dihasilkan lebih berinovatif supaya dapat memenuhi ekspektasi serta mejangkau kehendak pelanggan dan pihak berkepentingan.

Berdasarkan kehendak dan ekspektasi pelanggan yang semakin tinggi, maka Jabatan perlu menerokai pendekatan dan idea baru yang radikal bagi merealisasikan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan. Oleh itu, Jabatan akan cuba untuk mewujudkan kaedah dan pendekatan baru yang lebih berinovatif ke arah memenuhi hasrat Jabatan dan pelanggan.

### **2.0 ASPIRASI JABATAN**

Aspirasi Jabatan telah didokong oleh teras “mendahulukan pelanggan dan mengutamakan pencapaian” melalui keberhasilan, produktiviti dan kreativiti, inovasi dan anjakan berganda. Pembudayaan kreativiti dan inovasi juga merupakan antara 4 nilai asas sebagai pelengkap kepada 4 tonggak utama di bawah Misi Nasional. Bagi mencapai matlamat tersebut, Jabatan akan merealisasikan saranan YAB Perdana Menteri yang memerlukan semua penjawat awam supaya berfikiran secara lebih kritis dan konstruktif dalam

menunaikan tanggungjawab dan amanah dengan mencari penyelesaian-penyelesaian kreatif dan inovatif diluar kelaziman.

### **3.0 SKOP PELAKSANAAN**

Skop pelaksanaan inovasi di Jabatan Audit Negara meliputi semua Sektor, Cawangan dan Bahagian termasuk Akademi Audit Negara. Bidang yang menjadi tumpuan adalah pengurusan strategik dan kepimpinan organisasi, budaya kerja, kewangan dan aset, pengurusan pelanggan, sumber manusia, pengurusan projek dan ICT. Skop tersebut meliputi aktiviti tambah nilai output semasa iaitu seperti perubahan terhadap sistem dan prosedur kerja, borang-borang serta undang-undang dan peraturan.

### **4.0 PERNYATAAN DASAR**

Dasar Pembudayaan Inovasi Jabatan ini merupakan satu dasar yang mengandungi pernyataan mengenai prinsip pembudayaan inovasi Jabatan selaras dengan Panduan Peningkatan Budaya Inovasi Dalam Perkhidmatan Awam melalui Surat Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 29 Januari 2010. Dasar ini memberi tumpuan kepada aspek pembudayaan inovasi di Jabatan yang merangkumi aktiviti program kesedaran, latihan, promosi, Konvensyen Inovatif dan Kreatif, Hari Inovasi serta pengiktirafan.

### **5.0 PERNYATAAN MATLAMAT**

Secara khususnya, Dasar Pembudayaan Inovasi Jabatan Audit Negara bertujuan untuk memastikan setiap warga Jabatan Audit Negara telah diterapkan tentang kepentingan untuk membangun dan mewujudkan idea-idea dan cadangan yang inovatif ke arah menjadikan sebuah Jabatan yang mampu memenuhi kehendak pelanggan, lebih mapan dan berdaya saing. Dasar ini juga menjadi pemangkin kepada kesedaran dan komitmen semua pihak, terutamanya seluruh warga Jabatan Audit Negara bagi membudayakan konsep inovatif secara berterusan.

## **6.0 OBJEKTIF**

Dasar Pembudayaan Inovasi Jabatan Audit Negara menetapkan enam (6) objektif utama seperti berikut:

- 6.1 Meningkatkan kesedaran, kefahaman dan komitmen warga Jabatan terhadap usaha bagi menjadikan inovasi sebagai suatu budaya dalam organisasi.
- 6.2 Menggalakkan perkongsian ilmu dan menambah nilai pangkalan ilmu yang dihasilkan dalam proses pencetusan inovasi.
- 6.3 Mewujudkan suatu platform bagi membolehkan warga Jabatan dan pelanggan mengemukakan idea dan cadangan ke arah penambahbaikan penyampaian perkhidmatan.
- 6.4 Memupuk persaingan sihat dan meningkatkan penglibatan serta minat warga Jabatan dalam penghasilan inovasi.
- 6.5 Meningkatkan dan menyemarakkan semangat bagi membudayakan inovasi disamping mengeratkan kerjasama dan semangat toleransi dikalangan warga Jabatan.
- 6.6 Memberi pengiktirafan yang bersesuaian kepada individu atau kumpulan yang berjaya menghasilkan inovasi mengikut kriteria yang ditetapkan.

## **7.0 STRATEGI**

Bagi mencapai objektif-objektif di atas, dua belas (12) strategi dirangka berasaskan lapan (8) aspek utama iaitu promosi, program kesedaran, latihan, perkongsian ilmu, forum, Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), Hari Inovasi serta pengiktirafan. Strategi-strategi tersebut adalah seperti berikut:

### **7.1 Promosi**

- i. Memberi sokongan terhadap idea atau inovasi yang diiktiraf dalam perkhidmatan awam dan disamping menguar-uarkan idea dan inovasi tersebut seperti diberi keutamaan untuk dipaparkan dilaman web JAN dan terbitan-terbitan Jabatan.

### **7.2 Program Kesedaran**

- i. Menerap dan memupuk kesedaran tentang pentingnya inovasi dalam menyampaikan perkhidmatan melalui ceramah dan seminar.

### **7.3 Latihan**

- i. Memberi kefahaman tentang kaedah dan proses penghasilan inovasi yang berimpak tinggi dan mempunyai ciri-ciri *replicability* melalui latihan secara dalaman.
- ii. Memberi pendedahan secara langsung bagi mencetuskan idea dengan menanda aras (*benchmarking*) amalan terbaik agensi lain melalui pelbagai program lawatan.

### **7.4 Perkongsian Ilmu**

- i. Mewujudkan pangkalan ilmu perkongsian pintar bagi menyalurkan sumbangan idea dalaman dan luaran dan mendedahkan warga Jabatan dengan hasil kreativiti dan inovasi agensi lain.

## **7.5 Forum**

- i. Menyediakan ruang dan peluang kepada warga kerja jabatan dan pelanggan bagi menggalakkan percambahan idea secara tidak langsung.

## **7.6 Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)**

- i. Mewujudkan Kumpulan-Kumpulan Inovatif Dan Kreatif bagi menghalusi cadangan dan idea warga Jabatan dan pelanggan.
- ii. Meningkatkan kerjasama dan persaingan sihat dengan menganjurkan pertandingan dikalangan kumpulan bagi membolehkan warga Jabatan mengemukakan idea dan cadangan penambahbaikan.
- iii. Menggalakkan pencetusan idea inovasi melalui penyertaan wajib oleh setiap Sektor dan Jabatan Audit Negara di Negeri-Negeri.

## **7.7 Hari Inovasi**

- i. Menyediakan ruang dan peluang kepada individu dan kumpulan bagi membentangkan projek kerja inovasi yang terbaik dan terpilih.
- ii. Meningkatkan sokongan dan komitmen semua pihak termasuk pengurusan Jabatan mengenai pelaksanaan inovasi di Jabatan Audit Negara.

## **7.8 Pengiktirafan**

- i. Memberi penghargaan dan anugerah yang bersesuaian kepada individu atau kumpulan warga Jabatan yang berjaya menghasilkan inovasi yang terbaik.

**PELAN TINDAKAN  
PEMBUDAYAAN INOVASI JABATAN AUDIT NEGARA**

**PELAN TINDAKAN PEMBUDAYAAN INOVASI  
JABATAN AUDIT NEGARA**

**1. Promosi**

**Objektif : Hebahan dan galakan kepada semua warga Jabatan dan pelanggan agar sentiasa mengemukakan idea dan cadangan ke arah penambahbaikan penyampaian perkhidmatan.**

<b>BIL.</b>	<b>STRATEGI</b>	<b>PROGRAM/TINDAKAN</b>	<b>SEKTOR / CAWANGAN / BAHAGIAN PELAKSANA</b>	<b>OUTCOME</b>
1.	Memberi sokongan terhadap idea atau inovasi yang diiktiraf dalam perkhidmatan awam	Membangunkan satu ruangan di portal jabatan seperti diberi keutamaan untuk dipaparkan dilaman web JAN dan sebarang terbitan-terbitan Jabatan terhadap idea atau cadangan inovasi yang terbaik.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua Sektor</li> <li>• Jabatan Audit Negara di Negeri-Negeri</li> <li>• AAN</li> </ul>	Idea dan cadangan inovasi yang terbaik boleh dikongsikan bersama termasuk pihak luar dan orang awam bagi tujuan penambahbaikan dan <i>replicability</i> .



## 2. Program Kesedaran

**Objektif: Meningkatkan kesedaran, kefahaman dan komitmen warga Jabatan terhadap usaha bagi menjadikan inovasi sebagai suatu budaya dalam organisasi.**

BIL.	STRATEGI	PROGRAM/TINDAKAN	SEKTOR / CAWANGAN / BAHAGIAN PELAKSANA	OUTCOME
1.	Menerap dan memupuk kesedaran tentang pentingnya inovasi dalam menyampaikan perkhidmatan melalui ceramah dan seminar.	Program kesedaran mengenai pembudayaan inovasi kepada semua peringkat warga kerja Jabatan Audit Negara seperti mengadakan ceramah dan bengkel.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Semua Sektor</li><li>• Jabatan Audit Negara di Negeri-Negeri</li><li>• AAN</li></ul>	Seluruh warga Jabatan Audit Negara sedar dan komited untuk membudayakan inovasi secara berterusan.

### 3. Latihan

**Objektif: Meningkatkan kesedaran, kefahaman dan komitmen warga Jabatan terhadap usaha bagi menjadikan inovasi sebagai suatu budaya dalam organisasi.**

BIL.	STRATEGI	PROGRAM/TINDAKAN	SEKTOR / CAWANGAN / BAHAGIAN PELAKSANA	OUTCOME
1.	Memberi kefahaman tentang kaedah dan proses penghasilan inovasi yang berimpak tinggi dan mempunyai ciri-ciri <i>replicability</i> .	Program kefahaman dan pembelajaran mengenai inovasi kepada semua peringkat warga kerja Jabatan Audit Negara seperti mengadakan latihan secara dalaman yang dibimbing oleh pakar.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua Sektor</li> <li>• Jabatan Audit Negara di Negeri-Negeri</li> <li>• AAN</li> </ul>	Seluruh warga Jabatan Audit Negara memahami secara mendalam mengenai kepentingan membudayakan inovasi.
2.	Memberi pendedahan secara langsung bagi mencetuskan idea dengan menanda aras ( <i>benchmarking</i> ) amalan terbaik agensi lain melalui pelbagai program lawatan.	Program pembelajaran dan penghayatan amalan terbaik agensi atau jabatan lain untuk dijadikan model kepada Jabatan Audit Negara melalui program lawatan sambil belajar dan kerjasama latihan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua Sektor</li> <li>• Jabatan Audit Negara di Negeri-Negeri</li> <li>• AAN</li> </ul>	Seluruh warga Jabatan Audit Negara dapat menghayati setiap idea yang telah dihasilkan.

#### 4. Perkongsian Ilmu

**Objektif: Menggalakkan perkongsian ilmu dan menambah nilai pangkalan ilmu yang dihasilkan dalam proses pencetusan inovasi.**

BIL.	STRATEGI	PROGRAM/TINDAKAN	SEKTOR / CAWANGAN / BAHAGIAN PELAKSANA	OUTCOME
1.	Mewujudkan pangkalan ilmu perkongsian pintar bagi menyalurkan sumbangan idea dalaman dan luaran dan mendedahkan warga Jabatan dengan hasil kreativiti dan inovasi agensi lain.	Program mengintegrasikan sumber-sumber idea dan cadangan melalui satu medium, perantara atau program yang dibangunkan dan boleh dicapai oleh semua kakitangan bagi menimba ilmu dan pengetahuan.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Semua Sektor</li><li>• Jabatan Audit Negara di Negeri-Negeri</li><li>• AAN</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Seluruh warga Jabatan Audit Negara dapat menghayati setiap idea yang telah dihasilkan.</li><li>• Sekurang-kurangnya 30% daripada warga Jabatan akan menyumbang idea dan cadangan untuk dikongsikan bersama kakitangan Jabatan dan pihak yang lain.</li></ul>

## 5. Forum

**Objektif: Mewujudkan suatu platform bagi membolehkan warga Jabatan dan pelanggan mengemukakan idea dan cadangan ke arah penambahbaikan penyampaian perkhidmatan.**

BIL.	STRATEGI	PROGRAM/TINDAKAN	SEKTOR / CAWANGAN / BAHAGIAN PELAKSANA	OUTCOME
1.	Menyediakan ruang dan peluang kepada warga kerja Jabatan dan pelanggan bagi menggalakkan percambahan idea secara tidak langsung.	Membangunkan suatu ruangan di portal Jabatan sebagai satu saluran, pusat pengumpulan dan pertukaran idea dan pendapat mengenai inovasi.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Semua Sektor</li><li>• Jabatan Audit Negara di Negeri-Negeri</li><li>• AAN</li></ul>	Idea dan cadangan dari forum akan disaring, dibincangkan dan digunakan di Jabatan setelah melalui proses-proses seperti Anugerah Inovasi JAN dan KIK.

## 6. Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

**Objektif: Memupuk persaingan sihat dan meningkatkan penglibatan serta minat warga Jabatan dalam penghasilan inovasi.**

BIL.	STRATEGI	PROGRAM/TINDAKAN	SEKTOR / CAWANGAN / BAHAGIAN PELAKSANA	OUTCOME
1.	Mewujudkan Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) bagi menghalusi cadangan dan idea warga Jabatan dan pelanggan.	Penubuhan Jawatankuasa Petugas dan Saringan yang diwakili oleh setiap sektor/bahagian bagi mengkaji dan memperhalusi setiap idea dan cadangan yang dikemukakan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua Sektor</li> <li>• Jabatan Audit Negara di Negeri-Negeri</li> <li>• AAN</li> </ul>	Jabatan Audit Negara akan mempunyai sekumpulan idea dan cadangan yang boleh dipertingkatkan untuk dijadikan panduan atau pencetus inovasi.
2.	Meningkatkan kerjasama dan persaingan sihat dengan menganjurkan pertandingan dikalangan kumpulan bagi membolehkan warga Jabatan mengemukakan idea dan cadangan penambahbaikan.	Mengadakan Konvensyen KIK bagi menilai idea dan cadangan inovatif dari setiap kumpulan pada setiap tahun pada Hari Inovasi diadakan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua Sektor</li> <li>• Jabatan Audit Negara di Negeri-Negeri</li> <li>• AAN</li> </ul>	Semangat kerjasama secara berpasukan akan dapat dipertingkatkan dan individu yang berkaitan merasakan dirinya dihargai dan sama penting.
3.	Menggalakkan pencetusan idea inovasi melalui penyertaan wajib oleh setiap Sektor dan Jabatan Audit Negara di Negeri-Negeri.	Menyediakan suatu dasar dan peraturan yang mewajibkan penyertaan semua sektor/CAN di KIK yang diadakan pada setiap tahun.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua Sektor</li> <li>• Jabatan Audit Negara di Negeri-Negeri</li> <li>• AAN</li> </ul>	Sekurang-kurangnya komitmen setiap warga jabatan bagi sentiasa menambahbaik sistem penyampaian dapat dipertingkat ketahap yang paling maksimum.

## 7. Hari Inovasi

**Objektif: Meningkatkan dan menyemarakkan semangat bagi membudayakan inovasi disamping mengeratkan kerjasama dan semangat toleransi dikalangan warga Jabatan**

BIL.	STRATEGI	PROGRAM/TINDAKAN	SEKTOR / CAWANGAN / BAHAGIAN PELAKSANA	OUTCOME
1.	Menyediakan ruang dan peluang kepada individu dan kumpulan bagi membentangkan projek kerja inovasi yang terbaik dan terpilih.	Kumpulan atau individu yang terpilih akan bertanding bagi merebut tempat pertama, kedua dan ketiga.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Semua Sektor</li><li>• Jabatan Audit Negara di Negeri-Negeri</li><li>• AAN</li></ul>	Kumpulan atau individu akan lebih bersemangat atau bermotivasi untuk menghasilkan sesuatu idea atau cadangan baru.
2.	Meningkatkan sokongan dan komitmen semua pihak termasuk pengurusan Jabatan mengenai pelaksanaan inovasi di Jabatan Audit Negara.	Pelaksanaan Hari Inovasi perlu dilaksanakan secara bersekali dengan Konvensyen KIK bagi menarik minat dan komitmen secara tidak langsung pegawai kanan dan pihak pengurusan tertinggi Jabatan.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Semua Sektor</li><li>• Jabatan Audit Negara di Negeri-Negeri</li><li>• AAN</li></ul>	Sokongan dan komitmen pihak pengurusan mengenai kemajuan pelaksanaan inovasi di Jabatan akan meningkat dan sentiasa memberi galakan serta motivasi yang baik.

## 8. Pengiktirafan

**Objektif: Memberi pengiktirafan yang bersesuaian kepada individu atau kumpulan yang berjaya menghasilkan inovasi mengikut kriteria yang ditetapkan.**

BIL.	STRATEGI	PROGRAM/TINDAKAN	SEKTOR / CAWANGAN / BAHAGIAN PELAKSANA	OUTCOME
1.	Memberi penghargaan dan anugerah yang bersesuaian kepada individu atau kumpulan warga Jabatan yang berjaya menghasilkan inovasi yang terbaik.	Merumuskan satu dasar bagi menentukan kaedah, jenis dan nilai anugerah yang akan disampaikan kepada kumpulan dan individu yang berjaya meraih tempat terbaik pada persembahan di Hari Inovasi Jabatan.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Semua Sektor</li><li>• Jabatan Audit Negara di Negeri-Negeri</li><li>• AAN</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Satu sistem penghargaan dan anugerah yang bersesuaian akan diwujudkan bagi menghargai kumpulan dan individu yang telah berjaya menyumbang idea.</li><li>• Kumpulan atau individu yang berkenaan lebih bermotivasi dan akan berusaha dengan lebih gigih bagi mencetuskan idea dan cadangan yang lebih baik bagi jangka masa akan datang.</li></ul>